

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Dato Sri Dr. Muhammad Leo  
Michael Toyad Abdullah  
[ Mukah ]**

**TARIKH : 12.06.2014 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 129**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapa telah di peruntukan untuk membangun bekalan elektrik luar bandar di Parlimen Mukah untuk 2014 dan berapa buah rumah telah di masukkan dalam tahun ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian pada tahun 2014 telah meluluskan pelaksanaan 1 projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di kawasan Parlimen Mukah dengan kos berjumlah RM2.55 juta dan akan memberi manfaat kepada 38 buah rumah. Projek ini sedang dalam pelaksanaan dan dijangka akan dapat disiapkan pada bulan Februari 2015.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [ SEREMBAN ]**

**TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 133**

**Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap cadangan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk mengkaji segala aspek yang terlibat dalam tragedi kehilangan MH370 dan sekiranya ya, bilakah ia dapat dilaksanakan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan pada masa ini belum memutuskan samada untuk membentangkan Kertas Putih di Parlimen atau menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ataupun menubuhkan Jawatankuasa Khas Parlimen susulan dari insiden ini. Keputusan mengenainya akan dibuat setelah pesawat yang hilang ditemui dan siasatan mengenai insiden dijalankan dan punca tragedi dikenalpasti. Usaha mencari pesawat MH370 akan diteruskan.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

### **Badan Penyiasat Kemalangan MH370**

Badan Penyiasat Kemalangan MH370 walaupun diketuai oleh Malaysia mengikut Annex 13 Konvensyen Chicago, ia juga dianggotai oleh *accredited representatives* negara-negara berikut, USA, UK, Australia, China dan Perancis. Penyiasat dari negara ASEAN juga akan diundang.

### **Kos SAR**

Kerajaan Australia pada 13 Mei 2014 telah membentangkan kepada Parlimen Australia keperluan peruntukan berjumlah AUD89.9 juta (RM272.3 juta) bagi keseluruhan operasi mencari pesawat MH370. Jumlah tersebut termasuk peruntukan sebanyak AUD60 juta (RM84.6 juta) kepada *Australia Transport Safety Bureau* untuk tempoh 2 tahun bermula 2014 hingga 2015 bagi menampung kos Fasa Transisi dan Fasa Ketiga operasi mencari pesawat MH370.

Satu Formula Perkongsian kos operasi mencari pesawat MH370 juga telah dibincangkan di Mesyuarat Tripartite di antara Kerajaan Malaysia Australia dan China. Mesyuarat telah bersetuju dengan cadangan perkongsian kos. Sumbangan Malaysia dalam kos operasi fasa baru hanya akan dapat ditentukan setelah kawasan pencarian ditentukan dan jumlah aset yang terlibat dimuktamadkan.

### **Status SAR**

Operasi mencari pesawat menggunakan pesawat udara dan kapal laut pada masa ini telah ditangguhkan sementara waktu dan fokus

ditumpukan untuk pencarian di dasar laut. Usaha mencari pesawat MH370 kini telah memasuki Fasa Transisi di mana 3 aktiviti utama akan dijalankan adalah seperti berikut:

- a. menganalisis semula data untuk menentu sahkan kawasan pencarian yang lebih tepat. Analisis ini akan dijalankan oleh kumpulan pakar bersama-sama dengan INMARSAT;
- b. menjalankan *bathmetric survey* yang melibatkan kerja *mapping* dasar laut bagi membolehkan pencarian menggunakan aset-aset *autonomous underwater vehicle* (AUV) berkeupayaan tertentu dilaksanakan dengan berkesan dan selamat; dan
- c. membuat perolehan perkhidmatan aset-aset terkini yang mempunyai keupayaan *side scan sonar* bagi mencerap keseluruhan kawasan pencarian laut dalam yang ditetapkan;

### **Pendekatan Baru SAR**

Satu Mesyuarat *Tripartite* di antara Kerajaan Malaysia, Australia dan Republik Rakyat China (RRC) telah diadakan di Canberra, Australia pada 5 Mei 2014 lalu bagi membincangkan perkara-perkara berhubung Fasa Transisi dan Fasa Ketiga operasi mencari pesawat MH370. Mesyuarat *Tripartite* tersebut antara lain, telah membincangkan;

- a. status terkini operasi mencari pesawat MH370;
- b. perancangan operasi mencari di bawah permukaan laut;
- c. bantuan dan fasilitasi kepada waris/keluarga (*next of kin* – NOK) penumpang dan anak kapal dan pendekatan pengerahan; serta

d. perolehan aset-aset berkeupayaan spesifik bagi misi mencari pesawat tersebut.

Kesemua negara yang terlibat telah menyatakan komitmen untuk bekerjasama dan meneruskan operasi mencari pesawat MH370.

Satu Pasukan Khas yang turut dianggotai oleh wakil Jawatankuasa Teknikal, Jawatankuasa Penugasan Aset dan Jawatankuasa Waris/Keluarga Penumpang dan Anak Kapal akan ditempatkan di Canberra bagi mengkoordinasi keseluruhan operasi mencari pesawat MH370 antara Malaysia dan Australia.